



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 7 TAHUN 2022

PEMURNIAN POLISI DAN STRATEGI PELAKSANAAN LATIHAN TEACHING, LEARNING, ASSESSMENT AND SUPERVISION (TLAS) UNTUK KAKITANGAN AKADEMIK UPSI

(PINDAAN 2022)

Bahagian Hal Ehwal Akademik
12 April 2022

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

12 April 2022

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK
BILANGAN 7 TAHUN 2022

**PEMURNIAN POLISI DAN STRATEGI PELAKSANAAN LATIHAN TEACHING,
LEARNING, ASSESSMENT AND SUPERVISION (TLAS) UNTUK KAKITANGAN
AKADEMIK UPSI**

(PINDAAN 2022)

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-211 Bilangan 4/2022 yang bersidang pada 12 April 2022 telah bersetuju meluluskan pemurnian Polisi dan Strategi Pelaksanaan Latihan *Teaching, Learning, Assessment and Supervision* (TLAS) untuk kakitangan akademik UPSI (Pindaan 2022).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Program TLAS merupakan satu program latihan berstruktur bagi memperkasa kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran (PdP), kurikulum, pentaksiran dan penyeliaan latihan mengajar di UPSI.
- 2.2 Pelan pelaksanaan program TLAS bermula pada tahun 2017 dengan pembangunan polisi yang pertama dan pindaan polisi kali ke-2 pada tahun 2018.

3.0 MAKLUMAT PINDAAN POLISI

Bil.	Polisi Asal (2021)	Pindaan Polisi Baharu (2022)
1.	1.4 Pembangunan polisi dan pelan pelaksanaan program TLAS kali pertama telah dilakukan pada tahun 2017, manakala pindaan polisi kali pindaan polisi kali ke-2 telah diluluskan oleh JKPU pada tahun 2018.	Pembangunan polisi pelaksanaan program TLAS kali pertama telah dilakukan pada tahun 2017, manakala pindaan polisi kali ke-2 telah diluluskan oleh JKPA pada tahun 2018. Pindaan polisi ke-3 diluluskan Senat pada 7 September 2021.
2.	2.5 Pindaan polisi kali ke-3 diperlukan disebabkan perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran akibat Pandemik COVID-19.	Pindaan polisi kali ke-4 diperlukan untuk menangani isu-isu berkaitan TLAS lanjutan COVID-19.
3.	3.1.5 Melaporkan Laporan Penilaian Pembelajaran dan OBERs.	gugurkan
4.	3.3.4 Melaporkan pelaksanaan TLAS di fakulti melalui Jawatankuasa Kerja kepada PPA.	Melaporkan pelaksanaan TLAS di fakulti melalui Jawatankuasa Induk kepada PPA.
5.	3.3.5 Menolak markah "kualiti peribadi" dalam LNPT bagi kakitangan akademik yang engkar untuk mengikuti program latihan TLAS.	gugurkan -
6.	4.4 Kakitangan akademik wajib menghadiri setiap sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi setiap komponen latihan TLAS.	Kakitangan akademik wajib menghadiri EMPAT sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi setiap komponen latihan TLAS.
7.	4.5 Kakitangan akademik akan diberikan mata CPD bagi kompetensi teras untuk setiap kursus yang dihadiri.	Kakitangan akademik akan diberikan mata CPD untuk setiap kursus yang dihadiri.
8.	4.7 Kehadiran ke latihan TLAS akan diamalkan kira dalam penilaian nilai kualiti peribadi LNPT.	gugurkan
9.	5.3 Permohonan pengecualian latihan perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja TLAS yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang diadakan empat kali setahun.	Permohonan pengecualian latihan perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Induk TLAS yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang diadakan dua kali setahun.
10.	6.3.1.4 Sepanjang Pandemik COVID-19, pelaksanaan TLAS 2021 dijalankan secara MOOC dan 1 hari bersemuka (secara dalam talian atau fizikal mengikut situasi semasa).	Sepanjang Pandemik COVID-19, pelaksanaan TLAS 2021 dijalankan secara MOOC.

11.	6.3.1.5 Bilangan peserta bagi pelaksanaan secara dalam talian dihackkan kepada 35 peserta bertujuan menjaga kualiti latihan.	gugurkan
12.	6.3.2.4 Sepanjang Pandemik COVID-19, pelaksanaan latihan Supervision and Observation Simulation dijalankan secara MOOC dan 2 hari bersemuka (secara dalam talian atau fizikal mengikut situasi semasa).	Sepanjang Pandemik COVID-19, pelaksanaan latihan Supervision and Observation Simulation dijalankan secara MOOC.
13.	6.3.2.5 Bilangan peserta bagi pelaksanaan secara dalam talian dihackkan kepada 35 peserta bertujuan menjaga kualiti latihan.	gugurkan
14.	6.3.2.5 Tiada	
15.	6.3.3.1 Sesi perkongsian bersama pakar akan dilaksanakan selama 3 jam yang merangkumi sesi pembentangan, perbincangan dan soaljawab.	Sesi perkongsian bersama pakar akan dilaksanakan selama 3 jam yang merangkumi sesi pembentangan, perbincangan dan soaljawab.
16.	6.3.3.3 Sesi perkongsian diadakan sekali sahaja bertempat di Dewan Tuanku Canselor bagi memuatkan kesemua kakitangan akademik UPSI.	Sesi perkongsian diadakan di Dewan Tuanku Canselor bagi memuatkan kesemua kakitangan akademik UPSI.
17.	6.3.3.5 Tiada	
18.	6.3.3.6 Tiada	Tajuk perkongsian atas talian dilaksanakan selama 2 jam yang merangkumi sesi pembentangan, perbincangan dan soaljawab.
19.	6.3.4 Strategi pelaksanaan TLAS telah dibentangkan kepada kakitangan akademik dalam Jerayawara TLAS oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) pada 4 Jun 2021. Slide perkongsian adalah seperti Lampiran 1.	gugurkan

	20.	6.4.1 Semua kakitangan akademik perlu melaksanakan kesemua latihan TLAS dalam PdP seperti berikut:	Semua kakitangan akademik perlu melaksanakan kesemua latihan TLAS dalam PdP.												
		<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Latihan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2021</td><td><i>Outcome Based Education</i></td></tr> <tr> <td>2022</td><td><i>Flipped Classroom, OER, Assessment</i></td></tr> <tr> <td>2023</td><td><i>Active Learning, Supervision, Simulation and Observation</i></td></tr> <tr> <td>2024</td><td><i>Challenge Based Learning, Gamification</i></td></tr> <tr> <td>2025</td><td>MOOC, AI, AR & VR</td></tr> </tbody> </table>	Tahun	Latihan	2021	<i>Outcome Based Education</i>	2022	<i>Flipped Classroom, OER, Assessment</i>	2023	<i>Active Learning, Supervision, Simulation and Observation</i>	2024	<i>Challenge Based Learning, Gamification</i>	2025	MOOC, AI, AR & VR	
Tahun	Latihan														
2021	<i>Outcome Based Education</i>														
2022	<i>Flipped Classroom, OER, Assessment</i>														
2023	<i>Active Learning, Supervision, Simulation and Observation</i>														
2024	<i>Challenge Based Learning, Gamification</i>														
2025	MOOC, AI, AR & VR														

4.0 KEPUTUSAN SENAT

- 4.1 Senat bersetuju untuk meluluskan pemurnian Polisi dan Strategi Pelaksanaan Latihan *Teaching, Learning, Assessment and Supervision* (TLAS) untuk kakitangan akademik UPSI (Pindaan 2022) dengan justifikasi berikut:
- i. menerangkan peranan dan tanggungjawab pusat-pusat tanggungjawab yang terlibat dengan Program Latihan TLAS.
 - ii. menerangkan secara terperinci berkenaan pelaksanaan Program Latihan TLAS.
 - iii. menerangkan strategi pelaksanaan Program Latihan TLAS.
 - iv. menyediakan pelan bagi memastikan penyertaan sepenuhnya oleh kakitangan akademik UPSI.
 - v. Perubahan strategi pengajaran dan pembelajaran akibat Pandemik COVID-19
- 4.2 Senat meneliti dan bersetuju meluluskan pemurnian Polisi dan Strategi Pelaksanaan Latihan *Teaching, Learning, Assessment and Supervision* (TLAS) untuk kakitangan akademik UPSI seperti di **LAMPIRAN A**.

5.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 12 April 2022.



PUAN SUHAILA SIDEK
Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 8 Mac 2022

LAMPIRAN A

**POLISI DAN STRATEGI PELAKSANAAN LATIHAN
TEACHING, LEARNING, ASSESSMENT AND SUPERVISION (TLAS) UNTUK
KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)
(PINDAAN 2022)**

1.0 Pengenalan

- 1.1 Program TLAS merupakan satu program latihan berstruktur bagi memperkasa kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran (PdP), kurikulum, pentaksiran dan penyeliaan latihan mengajar di UPSI.
- 1.2 Melalui pendekatan program latihan berstruktur ini, pelbagai latihan yang memenuhi kehendak *Education 4.0* secara khususnya dan *Industrial Revolution 4.0* secara umumnya diperkenalkan kepada semua kakitangan akademik di UPSI.
- 1.3 Latihan ini adalah perlu untuk meletakkan UPSI sebagai Universiti No 1 Pendidikan dan semua kakitangan akademiknya diberikan pendedahan dan melaksanakan pendekatan PdP, kurikulum, pentaksiran dan penyeliaan praktikum yang terkini.
- 1.4 **Pembangunan polisi pelaksanaan program TLAS kali pertama telah dilakukan pada tahun 2017, manakala pindaan polisi kali ke-2 telah diluluskan oleh JKPA pada tahun 2018. Pindaan polisi ke-3 diluluskan Senat pada 7 September 2021.**

2.0 Justifikasi

- 2.1 Menerangkan peranan dan tanggungjawab pusat-pusat tanggungjawab yang terlibat dengan Program Latihan TLAS.
- 2.2 Menerangkan secara terperinci berkenaan pelaksanaan Program Latihan TLAS.
- 2.3 Menerangkan strategi pelaksanaan Program Latihan TLAS.
- 2.4 Menyediakan pelan bagi memastikan penyertaan sepenuhnya oleh kakitangan akademik UPSI.
- 2.5 **Pindaan polisi kali ke-4 diperlukan untuk menangani isu-isu berkaitan TLAS lanjutan COVID-19.**

3.0 Fungsi dan Tanggungjawab

3.1 Pusat Pembangunan Akademik (PPA) dan Pusat Latihan Mengajar dan Industri (PULAMI)

- 3.1.1 Menyelaras pembinaan modul latihan TLAS (PPA).
- 3.1.2 Menyediakan polisi Latihan TLAS bagi kakitangan akademik UPSI seperti yang berikut:
 - 3.1.2.1 PPA menyediakan polisi latihan bagi pembelajaran dan pengajaran dan pentaksiran.
 - 3.1.2.2 PULAMI menyediakan polisi latihan bagi Penyeliaan Latihan Mengajar.
- 3.1.3 Merancang pelan pelaksanaan Program Latihan TLAS.
- 3.1.4 Menganalisis maklumbalas dan cadangan penambahbaikan peserta program berdasarkan komponen latihan TLAS.
- 3.1.5 Mengenal pasti jurang diantara latihan dan pelaksanaan.
- 3.1.6 Mencadangkan penambahbaikan berterusan bagi program latihan.
- 3.1.7 Menyedia dan membentangkan laporan Program Latihan TLAS di Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akademik (JKPA) setiap 3 bulan pelaksanaan.

3.2 BPSM (Unit Latihan)

- 3.2.1 Menyelaraskan pelaksanaan Program Latihan TLAS.
- 3.2.2 Menganjurkan latihan TLAS.
- 3.2.3 Mengumpul maklumbalas dan cadangan penambahbaikan peserta program.
- 3.2.4 Menganalisis dan menyediakan laporan berkenaan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan daripada peserta program.
- 3.2.5 Menyediakan senarai kehadiran peserta kepada PPA dalam masa 3 hari bekerja selepas latihan.
- 3.2.6 Menyediakan dan memberi sijil kepada peserta yang telah lengkap mengikuti setiap kursus TLAS.
- 3.2.7 Menyediakan dan memberi sijil ‘Certification of Completion TLAS Programme’ kepada peserta yang telah lengkap mengikuti kesemua kursus program TLAS.

3.3 Fakulti

- 3.3.1 Memantau kehadiran kakitangan akademik ke program latihan.
- 3.3.2 Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana TLAS di fakulti.
- 3.3.3 Memantau pelaksanaan TLAS dalam proses PdP kakitangan akademik di fakulti masing-masing.
- 3.3.4 [Melaporkan pelaksanaan TLAS di fakulti melalui Jawatankuasa Induk kepada PPA.](#)

3.4 BHEA dan IPS

3.4.1 Menyedia Laporan Prestasi Akademik Pelajar sebagai input kepada penambahbaikan program TLAS.

4.0 Pernyataan Polisi

4.1 Latihan yang ditawarkan dalam program ini diwajibkan kepada semua kakitangan akademik bertaraf tetap, sementara dan kontrak di UPSI.

4.2 Struktur latihan TLAS terdiri daripada empat (4) komponen yang berikut:

- a) *Educational Technologies*
- b) *Pedagogy and Instructional Techniques*
- c) *Assessment*
- d) *Supervision*

4.3 Kakitangan akademik WAJIB menghadiri kesemua komponen Latihan TLAS (10 kursus) sepanjang program TLAS dilaksanakan di UPSI.

4.4 Kakitangan akademik wajib menghadiri EMPAT sesi perkongsian ilmu bersama pakar bagi setiap komponen latihan TLAS.

4.5 Kakitangan akademik akan diberikan mata CPD untuk setiap kursus yang dihadiri.

4.6 Sijil penyertaan akan diberikan bagi setiap kursus dan keseluruhan komponen TLAS yang telah lengkap diikuti.

5.0 Pengecualian Kursus/Slot Kursus

5.1 Pengecualian kursus/slot kursus hanya dibenarkan bagi kakitangan akademik seperti penerangan berikut dan perlu disertakan bukti:

No	Kursus	Kursus/Slot Kursus yang Dikecualikan
1.	Kursus Pensijilan PdP Pensyarah Baharu UPSI bermula 2018	<i>Pedagogy and Instructional Techniques</i> - <i>Gamification</i>
2.	Kursus Pensijilan Penyeliaan Latihan Mengajar	<i>Supervision</i>
3.	Program Latihan TLAS – <i>Supervision</i>	Kursus Pensijilan Penyeliaan Latihan Mengajar
4.	Mana-mana kursus yang setara	

5.2 Penceramah dan penulis modul dikecualikan daripada menghadiri kursus masing-masing.

5.3 Permohonan pengecualian latihan perlu mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Induk TLAS yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang diadakan dua kali setahun.

6.0 Struktur Program Latihan TLAS

6.1 Struktur latihan adalah seperti berikut:

Komponen Latihan			
Educational Technologies	Pedagogy and Instructional Strategies	Assessment	Supervision
Latihan			
1. Massive Open Online Courses (MOOC) 2. Open Educational Resources (OER) 3. Artificial Intelligent, Augmented Reality and Virtual Reality	1. Gamification 2. Flipped Classroom 3. Active Learning 4. Challenge based Learning	1. Assessment for Learning Strategies 2. Outcome Based Education (OBE)	1. Supervision and Observation Simulation
Sesi Perkongsian bersama Pakar			
Educational Technologies for Gen Z	Pedagogy and Instructional Strategies	Outcome Based Assessment (OBA)	Effective Supervision

6.2 Strategi pelaksanaan Latihan TLAS bagi kakitangan akademik UPSI mendokong Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN 2.0):

No	Latihan	Misi	Objektif	KPI	Strategi	Tanggungjawab
1	MOOC (Fasa 1-3)	Memperkenalkan kursus-kursus UPSI kepada masyarakat melalui MOOC.	Meningkatkan penawaran MOOC.	Peningkatan 20% pembangunan MOOC setahun bagi memenuhi keperluan 20% pelajar terlibat dengan MOOC.	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Insentif (LNPT) • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar • Bakat pelajar • Pakar <i>content-knowledge</i> 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik

No	Latihan	Misi	Objektif	KPI	Strategi	Tanggungjawab
					<ul style="list-style-type: none"> • 2 orang penyelaras teknologi maklumat di fakulti (mengurangkan beban kerja) • Peruntukan kewangan • Proses – kursus Universiti, Kursus Teras Program, Kursus Pendidikan Profesional (Fasa 1), kursus teras program yang bersesuaian (Fasa 2) dan kursus-kursus promosi. 	
2	OER (Fasa 1-3)	Membudaya penggunaan teknologi dalam pelaksanaan kursus.	Penggunaan OER dalam kesemua kursus.	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – penggunaan 4-5 OER atau 30% kursus dalam setiap program • Fasa 2 – penggunaan 8-10 OER atau 60% kursus dalam setiap program • Fasa 3 – penggunaan 12-15 OER atau 70% kursus dalam setiap program 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik
3	AI/AR/VR (Fasa 1-3)	Meneraju teknologi pendidikan terkini.	Penggunaan AI/AR/VR sebagai	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – 2 Kursus KPD • Fasa 2 – 2 kursus teras program □ Fasa 3 – 1 Pembangunan bahan bagi setiap program 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik

No	Latihan	Misi	Objektif	KPI	Strategi	Tanggungjawab
4	<i>Gamification</i>	Meneraju gamifikasi pendidikan.	Mengadaptasi pelbagai gamifikasi dalam kesemua kursus.	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – 1 sesi gamifikasi bagi setiap kursus • Fasa 2 – 3 sesi gamifikasi bagi setiap kursus • Fasa 3 – 5 sesi gamifikasi bagi setiap kursus 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik
5	<i>Flipped Classroom</i>	Menyedia pelbagai kaedah dalam pembelajaran.	Melaksana pelbagai kaedah pembelajaran dalam kursus.	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – 3 kali bagi setiap kursus • Fasa 2 – 4 kali bagi setiap kursus • Fasa 3 – 5 kali bagi setiap kursus 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik
6	<i>Active Learning</i>	Menyedia ekosistem pembelajaran aktif.	Melaksana pembelajaran aktif dalam setiap kursus.	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – 3 kali bagi setiap kursus • Fasa 2 – 4 kali bagi setiap kursus • Fasa 3 – 5 kali bagi setiap kursus 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik
7	<i>Challenge-based Learning</i>	Mewujud cabaran dalam pembelajaran.	Melaksana elemen cabaran dalam proses pembelajaran.	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – 1 kursus bagi setiap program • Fasa 2 – 3 kursus bagi setiap program • Fasa 3 – 5 kursus bagi setiap program 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Unit Media dan Teknologi Pendidikan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik

8	<i>Assessment for Learning Strategies</i>	Mengimbang akademik dan sahsiah dalam kalangan pelajar.	<ul style="list-style-type: none"> • Memangkin pembangunan akademik sahsiah dalam kalangan pelajar. • Menerapkan elemen sahsiah dalam kalangan pelajar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – Semua kursus melaksanakan penajaran konstruktif. Semua program yang melalui semakan semula dalam fasa ini menambahbaik pelaksanaan pentaksiran • Fasa 2 – Semua 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Holistik dan Integrasi • <i>Performance-based</i> • Kepelbagaian kaedah • Berterusan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik
---	---	---	---	---	--	---

No	Latihan	Misi	Objektif	KPI	Strategi	Tanggungjawab
				<p>program telah menambahbaik pelaksanaan pentaksiran melalui semakan semula</p> <p><input type="checkbox"/> Fasa 3 – Semua kursus menjadi model.</p>		
9	<i>OBE</i>	Mereka bentuk semula kurikulum dan memperkasa pelaksanaan pentaksiran	<input type="checkbox"/> Melaksana kurikulum yang fleksible dan pentaksiran berdasarkan OBE	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – 40% program melaksanakan semakan semula kurikulum. • Fasa 2 – 100% program di UPSI melaksanakan semakan semula. • Fasa 3 – Semua kursus melaksanakan OBE sepenuhnya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan • Holistik dan Integrasi • Kepelbagaian kaedah • Berterusan • Kumpulan Pakar 	<ul style="list-style-type: none"> • PPA • BPSM • BHEA • Dekan • Penyelaras • Kakitangan Akademik

10	<i>Supervision and Observation Simulation</i>	Memperkasa penyeliaan latihan mengajar.	<ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan guru pelatih yang berkemahiran dan berdaya saing. • Menterjemah inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Fasa 1 – Semua penyelia menghadiri latihan Constructive Guidance berkenaan Penyeliaan Latihan Mengajar. • Fasa 2 – Melahirkan guru pelatih berkemahiran □ Fasa 3 – Menterjemah inovasi di sekolah sebagai model. 	<ul style="list-style-type: none"> • Latihan kepada semua penyelia. • Bengkel Kursus KPD kepada kakitangan akademik. • Pelaksanaan dalam kursus KPD. • Menghasilkan model pengajaran mikro (microteaching). • Proses – penyeliaan kepada <i>pre and post conference</i>. 	<ul style="list-style-type: none"> • PULAMI • PPA • BHEA □ TDAA • Penyelaras • Penyelia • Kakitangan Akademik
----	---	---	--	---	---	---

6.3 Pelaksanaan Program Latihan TLAS dalam Fasa 1 adalah seperti berikut:

6.3.1 Komponen Pembelajaran, Pengajaran dan Pentaksiran

6.3.1.1 Setiap latihan yang disenaraikan akan dilaksanakan selama 2 hari iaitu bersamaan 12 jam.

6.3.1.2 Setiap latihan ditawarkan sebanyak empat sesi dan bilangan peserta dihadkan kepada 50 orang peserta bagi setiap sesi.

6.3.1.3 Setiap latihan akan dikendalikan oleh penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

6.3.1.4 [Sepanjang Pandemik COVID-19, pelaksanaan TLAS 2021 dijalankan secara MOOC.](#)

6.3.2 Komponen Penyeliaan

6.3.2.1 Setiap latihan yang disenaraikan akan dilaksanakan selama empat sesi setahun, iaitu bersamaan 18 jam.

6.3.2.2 Setiap latihan ditawarkan sebanyak empat sesi dan bilangan peserta dihadkan kepada 50 orang peserta bagi setiap sesi.

6.3.2.3 Setiap latihan akan dikendalikan oleh penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing.

6.3.2.4 Sepanjang Pandemik COVID-19, pelaksanaan latihan Supervision and Observation Simulation dijalankan secara MOOC.

6.3.2.5 Penambahbaikan bagi kaedah pencerapan (observation) bagi sesi TLAS supervision dilaksanakan mengikut arahan semasa perlaksanaan PDPc di sekolah-sekolah kerajaan oleh pihak KPM serta arahan sekolah-sekolah swasta yang berkenaan.

6.3.3 Sesi Perkongsian Bersama Pakar

6.3.3.1 Sesi perkongsian bersama pakar akan dilaksanakan selama 3 jam yang merangkumi sesi pembentangan, perbincangan dan soal jawab.

6.3.3.2 Sesi perkongsian akan diadakan setiap 3 bulan sekali.

6.3.3.3 Sesi perkongsian diadakan di Dewan Tuanku Canselor bagi memuatkan kesemua kakitangan akademik UPSI.

6.3.3.4 Sepanjang Pandemik COVID-19 pelaksanaan sesi Perkongsian Bersama Pakar akan dilakukan secara dalam talian atau mengikut arahan yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

6.3.3.5 Sesi perkongsian atas talian dilaksanakan selama 2 jam yang merangkumi sesi pembentangan, perbincangan dan soal jawab.

6.3.3.6 Tajuk perkongsian adalah tertakluk kepada pakar dengan pengisian yang masih sama seperti polisi

6.4 Pelaksanaan Program Latihan TLAS dalam Fasa 2 adalah seperti berikut:

6.4.1 Semua kakitangan akademik perlu melaksanakan kesemua latihan TLAS dalam PdP.

6.5 Pelaksanaan Program Latihan TLAS dalam Fasa 3 adalah seperti berikut:

6.5.1 Dekan akan menamakan 30 orang kakitangan akademik yang akan dilatih oleh jurulatih luar.

6.5.2 Pesyarah yang telah dilatih ini seterusnya akan melaksanakan bengkel dalaman untuk Expert Coaching.

7.0 Jangkaan Hasil Polisi

7.1 Kakitangan akademik yang berpengetahuan, berkemahiran dan kompeten dalam mengendalikan proses PdP.

- 7.2 Kakitangan akademik yang sentiasa bersedia untuk melaksanakan perubahan dalam pendidikan.
- 7.3 Hasrat untuk melakukan perubahan dalam pendidikan menerusi TLAS dapat direalisasikan.
- 7.4 Kakitangan akademik telah menyempurnakan 10 latihan TLAS akan melalui Fasa 3 yang merangkumi latihan, perundingan, penerbitan, harta intelek, kajian tindakan, komuniti pakar.